



**State Mufti's Office**  
*Prime Minister's Office*  
**Brunei Darussalam**

## **Teruskan Beribadat Sunat Walaupun Bukan Di Bulan Ramadhan**

### **(Bahagian Ketiga)**

*(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)*

### **Puasa-Puasa Sunat**

Selepas menunaikan kewajipan puasa di bulan Ramadhan, kita boleh meneruskan ibadat puasa-puasa sunat di bulan yang lain seperti puasa pada hari Isnin dan Khamis, puasa hari Arafah di bulan Zulhijjah, puasa 'Asyura di bulan Muharram, puasa Enam hari di bulan Syawwal dan puasa pada bulan Sya'ban.

Terdapat banyak hadits yang menyebutkan tentang hikmah dan kelebihan bagi orang yang melakukan puasa-puasa sunat ini. Antaranya ialah.

#### **1. Puasa Hari Isnin Dan Khamis**

Hikmah berpuasa pada setiap hari Isnin dan Khamis disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zaid *Radhiallahu 'anhu*, bahawa Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** *“Kedua-dua (hari Isnin dan Khamis) itu ialah hari dilaporkan amalan-amalan (manusia) kepada Allah Ta’ala Rabul ‘Alamin, maka aku suka supaya dilaporkan amalanku ketika aku sedang berpuasa.”*

(hadits riwayat an-Nasa’i)

Dalam hadits yang lain, Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* ada ditanya mengenai puasa pada hari Isnin, baginda bersabda:

( )

**Maksudnya:** *“Itulah hari (hari Isnin) yang padanya aku dilahirkan, dan padanya aku dibangkitkan (menjadi Rasul) atau padanya (kitab Al-Quran) diturunkan kepadaku.”*

(Hadits riwayat Muslim)

## 2. Puasa Hari ‘Arafah (9 Zulhijjah)

Kelebihan berpuasa pada hari ‘Arafah pula ialah menghapuskan dosa-dosa setahun yang telah lalu dan dosa setahun yang akan datang sebagaimana diriwayatkan daripada Abu Qatadah Al-Anshari *Radhiallahu ‘anhu* katanya:

. :  
( )

**Maksudnya:** *“Dan ditanya kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam tentang berpuasa pada hari ‘Arafah? Maka Baginda bersabda: “Ia menebus dosa setahun yang telah lalu dan (dosa) setahun yang akan datang.”*

(Hadits riwayat Muslim)

Namun begitu puasa ‘Arafah ini hanya sunat kepada orang yang tidak melakukan ibadah haji.

### 3. Puasa Pada Hari 'Asyura (10 Muharram)

Kelebihan berpuasa di hari 'Asyura' sebagaimana yang diriwayatkan daripada Abu Qatadah Al-Anshari *Radhiallahu 'anhu* katanya:

. :  
( )

**Maksudnya:** *“Dan ditanya kepada Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam tentang berpuasa pada hari ‘Asyura’. Maka Baginda bersabda: “Ia menebus dosa setahun yang telah lalu.”*

(Hadits riwayat Muslim)

### 4. Puasa Enam Hari Di Bulan Syawwal.

**Ganjaran puasa Enam di bulan Syawwal disebut dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Abu Ayyub Al-Anshari *Radhiallahu ‘anhu* bahawasanya Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:**

.  
( )

**Maksudnya:** *“Sesiapa yang berpuasa Ramadhan kemudian diikuti dengan puasa Enam hari pada bulan Syawwal, seolah-olah dia berpuasa sepanjang tahun.”*

(Hadits riwayat Muslim)

### 5. Puasa Bulan Sya‘ban

Fadhilat berpuasa pada bulan Sya‘ban sama seperti puasa pada hari Isnin dan Khamis sebagaimana disebutkan dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Usamah bin Zaid *Radhiallahu ‘anhu*, bahawa Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** *“Bulan (Sya‘ban) itu ialah bulan yang manusia lalai padanya kerana terletak di antara bulan Rejab dan bulan Ramadhan, dan pada bulan (Sya‘ban) itulah diangkat amalan-amalan (manusia) kepada Allah Ta‘ala Rabul ‘Alamin, maka aku suka supaya diangkat amalanku ketika aku sedang berpuasa.”*

(Hadits riwayat an-Nasa’i)

## **Membaca Al-Qur’an**

Jika kita rajin dan tekun bertadarus di bulan Ramadhan, maka teruskan di bulan-bulan yang lain. Dalam makna yang lain, amalan membaca Al-Qur’an itu perlu dikekalkan selepas berlalunya bulan Ramadhan kerana orang yang membaca al-qur’an akan mendapat ganjaran dan pahala.

Antara ganjaran membaca al-Qur’an itu, pembaca al-Qur’an akan dikurniakan hatinya dengan cahaya oleh Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* dan dipeliharanya dari kegelapan. Diriwayatkan daripada Abu Hurairah *Radhiallahu ‘anhu*:

:

( )

**Maksudnya:** *“Bahawa Rasulullah Shallallahu ‘alaihi wasallam bersabda: “Sesiapa yang mendengar satu ayat daripada Kitab Allah Ta‘ala (al-Qur’an) ditulis baginya satu kebaikan yang berlipat ganda. Sesiapa yang membacanya pula, baginya cahaya di hari qiamat.”*

(Hadits riwayat Ahmad)

## Bersedekah Sunat

Amalan bersedekah perlu dikekalkan. Ini kerana terdapat banyak ayat-ayat al-Qur'an dan hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* yang menerangkan mengenai kelebihan bersedekah. Antaranya ialah Firman Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ialah:

مَثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَبِيلِ اللَّهِ كَمَثَلِ حَبَّةٍ أَنْبَتَتْ سَبْعَ سَنَابِلٍ فِي كُلِّ سُنبُلَةٍ  
مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلِيمٌ ﴿٢٦١﴾

(261 : )

**Tafsirnya:** “*Bandingan (derma) orang-orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai, tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Dan (ingatlah) Allah akan melipatgandakan pahala bagi siapa yang dikehendakiNya, dan Allah Maha luas (rahmat) kurniaNya, lagi meliputi ilmu pengetahuanNya.*”

(Surah al-Baqarah: 261)

Manakala dalam sebuah hadits pula kelebihan bersedekah ini ada disebutkan sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah *Radhiallahu 'anhu* bahawasanya Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda:

( )

**Maksudnya:** *“Barangsiapa yang bersedekah dengan sesuatu yang sebanding dengan harga sebiji kurma yang diperolehinya dari pekerjaan yang baik (halal), sedangkan Allah itu memang tidak suka menerima sesuatu melainkan yang diperolehi dari yang baik (halal), maka sedekah orang tersebut akan diterima oleh Allah dengan tangan kananNya (diterima dengan rasa gembira dan penuh perhatian), kemudian Allah akan menambah pahala sedekah itu untuk orang yang bersedekah itu, sebagaimana seseorang dari kamu memelihara anak kuda yang dimilikinya, sehingga apa yang disedekahkan itu menjadi banyak sekali bagaikan gunung (pahalanya semakin dilipat gandakan).”*

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Rahmat Allah *Subhanahu Wa Ta'ala* kepada hambaNya sangatlah luas, perkara ini boleh diperolehi walaupun melalui amalan yang sedikit tetapi dikurniakan ganjaran pahala berlipat kali ganda, bahkan dalam perkara-perkara tertentu ganjaran pahala amalan yang sedikit itu tidak terkira banyaknya. Oleh kerana itu rebutlah peluang meraih ganjaran pahala yang banyak ini khasnya di hari-hari atau masa-masa yang ditentukan ada kelebihan itu. Sentiasalah dalam ingatan supaya melaksanakan amalan-amalan sunat yang menjadi kesukaan nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* itu kita cuba sedaya upaya jangan sekali-kali ianya ditinggalkan. Jadikanlah suatu prinsip dalam perkara sunat, jika tak dapat buat semua jangan tinggalkan semua, buat yang terdaya, asalkan berterusan, kesannya tentu akan membuahkan hasil yang lumayan.